

18 NOV 2003

Rafidah-Pak Lah

HENTIKAN BUDAYA PANGGIL PM SEBAGAI PAK LAH, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini menyarankan supaya semua rakyat Malaysia termasuk pihak media supaya tidak lagi memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan nama timangannya iaitu "Pak Lah."

"Saya ingin menyarankan kepada rakyat Malaysia sungguhpun kita mesra dengan Perdana Menteri kita, sungguhpun kita sayang, kita kenal dia lama, tetapi saya rasa eloklah kita panggil beliau sebagai Datuk Seri Abdullah.

"Kerana beliau Perdana Menteri seperti juga Tun Dr Mahathir Mohamad, tak pernah sesiapaupun tergamak memanggil beliau sebagai Che Det, sungguhpun itu nama timangannya. Jadi eloklah kita memulakan budaya memberikan penghormatan kepada beliau (Abdullah)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada anak-anak yatim dan ibu tunggal yang disumbangkan oleh Pergerakan Wanita Umno Bahagian Seputeh dan Metrojaya Berhad bertempat di Mid Valley Megamall dekat sini.

Katanya saranan itu bukan dibuat berdasarkan kedudukan beliau sekarang, sebaliknya adalah sebagai penghormatan kepada beliau selaku Perdana Menteri selain untuk mengelakkan nama gelaran itu turut diguna pakai oleh anak-anak muda yang akan menimbulkan perasaan kurang manis.

Katanya gelaran itu mungkin boleh digunakan ketika dalam situasi tidak formal, tetapi ianya tidak sesuai digunakan pada sesi pertemuan secara umum atau dalam majlis rasmi di mana beliau sepatutnya dikenali sebagai Datuk Seri Abdullah yang sekaligus akan menunjukkan penghormatan kepada beliau.

Katanya pengiktirafan itu juga akan membolehkan masyarakat luar turut menghormati Perdana Menteri yang baru dilantik itu sebagai pemimpin Malaysia.

"Saya tak mahu orang luar panggil beliau Pak Lah, jangan sekali-kali orang luar mengecil-kecilkan pemimpin kita dengan memanggil dia Pak Lah ... jadi tak nampak hormat, misalnya reporter luar....

"Biar kita didik orang panggil dia Datuk Seri Abdullah...(sekarang) nampak dah terlanjur sikit yang tuapun Pak Lah, yang mudapun Pak Lah, budak sekolahun Pak Lah, besok jadi kurang manis...jadi saya harap akhbarpun tak usahlah panggil dia Pak Lah lagi... panggil Perdana Menteriilah," katanya.

-- BERNAMA

SNS AHH ROS